



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD**

**YANG DIPERTUA MPSP**

# **PERHIMPUNAN KORPORAT MPSP Bil 1 / 2019**

**15 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)**

**8.45 PAGI**

**Terima kasih Saudara Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Puan Ir Hjh Rosnani Binti Mahmud**

Setiausaha Perbandaran MPSP

**Ketua – Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pegawai - Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**YBhg. Datin Hjh. Che Limah Binti Hj. Ujang**

Pengerusi PUSPANITA MPSP

**En. Mohd. Tahir bin Othman**

Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**En. Mat Nasir bin Hassan**

Naib Yang Dipertua PESUKA

**En. Mohamad Nizam bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Pn. Latifah binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA

**Jurubahasa Isyarat**

**Rakan - rakan Media**

**Seluruh Kakitangan MPSP**

**Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Yang Dihormati Sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Puan Ir Hjh Rosnani, Setiausaha Perbandaran, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Wakil-Wakil Persatuan, Rakan-Rakan Media dan seluruh kakitangan yang hadir pada pagi ini. Saya rasa masih tidak terlewat lagi untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua Ahli Majlis, pegawai-pegawai dan kakitangan yang berbangsa cina.

**Ahli-Ahli Majlis,Saudara,Saudari Yang Dihormati Sekalian,**

Pagi ini adalah merupakan perhimpunan korporat yang pertama tahun 2019. Saya ingin mengambil peluang ini, untuk berkongsi aspirasi masyarakat sivil, yang mahukan satu pentadbiran yang cekap, berpaksikan rakyat. Justeru Seberang Perai Strategic Direction 2019 telah dilancarkan pada 24 Januari 2019 yang merupakan ringkasan eksekutif kepada Seberang Perai Corporate Priorities 2019. Ianya bertujuan untuk memberi arah tuju strategik yang jelas untuk dilaksanakan oleh semua warga kerja MPSP.

Seberang Perai Strategic Direction 2019 mengandungi empat (4) bahagian iaitu penjana ekonomi yang kompetitif, aktiviti-aktiviti untuk mencapai Bandaraya Rendah Karbon, usaha-usaha ke arah bandar pintar dan sistem pengurusan yang berpaksikan rakyat (*people centric*).

Saya yakin dan amat berharap Ahli-Ahli Majlis, saudara saudari dan seluruh komuniti Seberang Perai berada dalam satu pasukan untuk mencapai gagasan besar Seberang Perai '*smart sustainable city*'. Oleh itu saudara saudari hendaklah mendengar dengan teliti amanat yang akan saya sampaikan ini, sambil melihat risalah yang diedarkan.

**Ahli-Ahli Majlis,Saudara,Saudari Yang Dihormati Sekalian,**

## **1.0 PENJANAAN EKONOMI YANG KOMPETITIF**

1.1 Keutamaan akan diberikan kepada remaja, warga emas dan golongan B40 bagi membina masyarakat yang progresif, mencintai alam sekitar dan masyarakat yang menyayangi sesama insan termasuk haiwan serta tumbuh-tumbuhan.

1.2 MPSP akan memperkenalkan dan membangunkan ruang pelbagai guna untuk menambah tempat-tempat niaga, ruang

bersenam dan bersukan, ruang sosial, resepsi perkahwinan dan pelbagai acara. Peringkat permulaan, lima (5) lokasi akan dipilih berdasarkan kesesuaian.

- 1.3 Mempromosikan Garis Panduan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan bagi membantu golongan B40 bukan sahaja mendapat pekerjaan malahan menjadi pengusaha.
- 1.4 Mengadakan program “Santai Pengusaha” bagi menemukan Institusi Bank, MARA atau institusi kewangan yang lain dengan golongan B40 yang bercadang atau yang sedang mengusahakan trak makanan atau trak perkhidmatan bagi membincangkan sumber pembiayaan perniagaan mereka.
- 1.5 Mempromosi kempen *housing democracy* dalam pemilikan rumah bagi setiap pekerja MPSP. Mengadakan program *match making* di antara institusi perbankan, pemaaju perumahan dan pekerja MPSP supaya setiap pekerja MPSP mempunyai rumah sendiri.

- 1.6 Mempromosikan Garis Panduan Permit Sementara Pusat Mencuci Kenderaan Secara Manual untuk memudahkan B40 memulakan perniagaan.
- 1.7 Mempromosikan Garis Panduan Permit Sementara Premis Perniagaan Tidak Berisiko supaya penduduk luar bandar dapat mengusahakan perniagaan mereka secara sah, mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan seterusnya menjana ekonomi Seberang Perai yang makmur.
- 1.8 MPSP akan meneruskan Hari Mesra Pelanggan setiap tiga (3) bulan dengan memberi penekanan “Anda Ada Masalah Kami Permudah”; “Anda Buntu Kami Bantu”. Pasukan khas daripada pelbagai jabatan akan ditubuhkan untuk memberi fokus kepada isu pelesenan, binaan tanpa kebenaran, tempat letak kereta dan isu-isu perbandaran.
- 1.9 Mempromosikan Garis Panduan Pindaan dan Tambahan Rumah Kediaman Yang Tiada Ruang Kelegaan Dengan Sempadan Lot untuk memberi ruang keluarga yang lebih kepada pemilik rumah kediaman.

- 1.10 Pasar dan kompleks makanan hendaklah dipasang iklan dengan lampu-lampu yang mana tenaga elektrik berpunca daripada tenaga yang diperbaharui (*renewable energy*) seperti tenaga solar dan bio-gas. MPSP boleh bekerjasama dengan TNB untuk *solar leasing program, smart meter initiative or net energy metering* supaya kita dapat memasang solar di semua aset kita dan menjadi peneraju dalam penggunaan tenaga solar.
- 1.11 Peta interaktif penilaian tanah, kalkulator kadaran, aplikasi mesra pelaburan yang memberi butiran maklumat yang diperlukan sebelum pelaburan dibuat. Ini termasuklah maklumat seperti *return on investment (ROI)*, kadar pelaburan, *overnight policy rate (OPR)*, *base lending rate (BLR)*, *gross development value (GDV)*, penawaran dan permintaan pasaran harta.
- 1.12 Pengurusan aset hendaklah diperkukuhkan untuk menjadi sumber pendapatan ke dua terbesar kepada MPSP. Pengurus aset perlu cukup kreatif supaya aset-aset pihak berkuasa tempatan diuruskan dengan cekap.

- 1.13 Kerajaan berpaksikan rakyat (*people centric government*) tidak mempunyai makna sekiranya penyampaian perkhidmatan gagal dilaksanakan secara berkesan. Oleh itu MPSP akan meningkatkan taraf MyMPSP menjadi *cyber counter*. Penduduk boleh melaksanakan transaksi yang pantas melalui *cyber counter MyMPSP*. seperti permohonan lesen, pembayaran cukai dan kompaun kesalahan, pemeriksaan status kompaun kesalahan, tempahan kemudahan-kemudahan sukan dan komuniti, mendapatkan maklumat terkini berhubung MPSP dan menyemak program-program yang dilaksanakan, tempat-tempat menarik dan lokasi pusat pengumpulan bahan-bahan kitar semula. MyMPSP mesra dengan telefon pintar yang mana OSnya adalah Androids atau iOS dan boleh dimuat turun melalui PlayStore.
- 1.14 MPSP akan mewujudkan call center yang dapat menerima aduan, memberi maklumat dan membantu masyarakat sivil untuk menyelesaikan isu harian mereka.
- 1.15 Mengadakan program antarabangsa *city to city program* untuk berkongsi amalan baik. Objektif utama projek ini adalah untuk memulihkan identiti bandar lama dengan memelihara nilai



warisan dan identiti tempatan di samping mewujudkan persekitaran yang mesra dan teratur bagi orang awam.

- 1.16 Program pemandulan anjing dan pendidikan kepada pemunya haiwan kesayangan akan diadakan sekurang-nya tiga (3) kali setahun. Mewujudkan sistem pemantauan maklumat anjing dan mengadakan *base line study* pada tahun 2019.
- 1.17 Skwad Krisis Pengendalian Wabak Denggi dengan kekuatan 150 orang anggota akan diperkasakan. Skwad ini akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam usaha membendung wabak denggi.
- 1.18 Menyediakan Garis Panduan Penyediaan Dan Pelaksanaan Laluan Basikal Di Seberang Perai untuk mempromosikan *cycle to work* dan gaya hidup sihat bagi mencapai bandar rendah karbon.

**Ahli-Ahli Majlis, Saudara, Saudari Yang Dihormati Sekalian,**

## **2.0 Bandar Rendah Karbon (Low Carbon City)**

2.1 Bandar Rendah Karbon (Low Carbon City) merupakan sebuah bandar yang berkemampuan membekalkan pembangunan asas di bandar, tanpa mengabaikan keperluan penduduk dan pada masa yang sama mampu mengawal pembebasan gas rumah hijau di bawah paras purata global. Bagi mencapai sasaran ini, MPSP telah menetapkan lima (5) strategi iaitu:-

- (i) **Strategi 1** : Pengangkutan Hijau (*Low Emission Transportation*)
- (ii) **Strategi 2** : Bangunan Hijau (*Low Emission Building*)
- (iii) **Strategi 3** : Infrastruktur Hijau (*Low Emission Infrastructures*)
- (iv) **Strategi 4** : Penghasilan dan Penggunaan Mampan (*Sustainable Production and Consumptions*)
- (v) **Strategi 5** : Kehijauan dan Penyerapan (*Greenery and Sequestrations*)

- 2.2 Justeru, salah satu hala tuju MPSP adalah untuk mencapai **Kadar Kitar Semula** sebanyak **70%** dan **pengurangan 50%** per kapita penghasilan sampah pada tahun 2022. Hari ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan Seberang Perai telah berjaya mencapai kadar kitar semula tertinggi di Malaysia iaitu 47.15% peningkatan sebanyak 3.9% dari tahun 2017. Saya harus memberi pengiktirafan ini kepada anda semua dan semua komuniti Seberang Perai. Kita berada dilandasan yang betul.
- 2.3 MPSP akan menyediakan Plan Tindakan Pembersihan dan Plan Tindakan Pemantauan Kerja Pembersihan oleh kontraktor supaya Seberang Perai Bersih. Plan Tindakan Pembersihan dan Plan Pemantauan Kerja Pembersihan dijangka akan dilancarkan pada bulan Mac 2019.
- 2.4 Kadar per kapita sampah yang dihasilkan didapati berkurangan daripada 1.6 kg/orang/hari pada tahun 2016 kepada 1.09 kg/orang/hari pada tahun 2017 dan disasarkan terus berkurangan kepada 0.8 kg/orang/hari serta dapat mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau (GHG)

daripada **8.0 tan CO2e per kapita** kepada **4.65 tan CO2e per kapita** pada tahun 2022.

- 2.5 Untuk mencapai hasrat ini, MPSP telah memperkenalkan *Smart Consumption Model 8R*, *Smart Partnership 7Ps*, *Upcycle Carnival* bersama JCI, *Growth Market* bersama Auto City, *Car Free Morning* bersama MyShape dan Think City, *Eco Therapy* melalui *Forest Bathing*, program *Care For The Elderly*, *Waste To Resources and Waste To Energy*.
- 2.6 MPSP adalah PBT yang pertama di Malaysia melaksanakan System Pengurusan Grease Trap Bersepadu iaitu memasang, menyelenggara, dan mengitar semula grease. Peringkat permulaan lima (5) lokasi telah pun siap dilaksanakan dengan jayanya iaitu Komplek Makanan Jalan Mohd Saad, Komplek Makanan Tun Dr Awang, Komplek Makanan Taman Desa Murni, Komplek Makanan Taman Guar Perahu dan Komplek Makanan Taman Guru, melibatkan 78 gerai dengan kos RM204,647.
- 2.7 MPSP akan memperluaskan Sistem Pengurusan Grease Trap Bersepadu kepada 30 kompleks makanan diseluruh Seberang

Perai pada tahun 2019 dengan anggaran kos RM2juta. MPSP tidak teragak-agak untuk menarik balik penyewaan sekiranya peniaga enggan bekerjasama dalam menyelenggara grease trap dalam premis mereka.

2.8 MPSP juga menawarkan *Incentive Fast Track* di mana Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan akan dikeluarkan *Development Order C1* sebaik-baik sahaja Jawatankuasa OSC meluluskan Pelan Kebenaran Merancang bagi pembangunan yang menggunakan 15% dari sumber tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*). *Development Order C1* juga dikeluarkan serta merta bagi kebenaran merancang bangunan industri sesebuah atau berkembar dalam kawasan industri, pusat mencuci kereta manual, hotel bajet dan kompleks sukan. Di samping itu, MPSP juga telah menyediakan Garis Panduan "*Vertical Landscape*" bagi pembangunan baru berstrata di Seberang Perai.

2.9 MPSP mensasarkan 70% *Development Order* atau *C1* akan dikeluarkan 60 hari selepas kelulusan Jawatankuasa OSC.

- 2.10 Pembangunan kompleks komersial melebihi 5,000 meter persegi disyaratkan untuk memperolehi 15% dari tenaga yang boleh diperbaharui.
- 2.11 Mensyaratkan penggunaan 15% tenaga yang boleh diperbaharui bagi pembangunan komersial melebihi plot ratio 3 (plot ratio 1:3).
- 2.12 MPSP mensasarkan 50,000 pokok ditanam sebelum tahun 2022 dan anggaran pokok akan ditanam setiap tahun adalah berjumlah 10,000 batang pokok. Penanaman pokok adalah penting dalam mengimbangi pelepasan karbon melalui penghasilan oksigen. Sehingga 7 September 2018, jumlah pokok yang telah ditanam di seluruh Seberang Perai adalah 255,315 batang pokok. Pada tahun 2018 iaitu dari 1 Januari hingga 7 September 2018, jumlah pokok yang telah ditanam adalah 8,743. Majlis Perbandaran Seberang Perai menganjurkan acara tahunan menanam pokok bersempena dengan Hari Kemerdekaan. Usaha ini merupakan kerjasama di antara MPSP, sektor swasta, NGO, sekolah, institusi pengajian tinggi. Program ini dijangka akan meningkatkan lagi semangat

patriotisma dan muhibah di kalangan kita dan memperkukuhkan lagi perpaduan dan keharmonian rakyat di negara ini, terutamanya di SeberangPerai.

2.13 Dasar pemasangan lampu LED telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2018. Pembangunan baru disyaratkan supaya pemasangan lampu lampu jalan yang diselenggara oleh MPSP hendaklah lampu LED. MPSP akan membuat penggantian lampu jalan sedia ada jenis SON kepada jenis LED. Langkah ini dapat menjimatkan kos bayaran bil elektrik sehingga 60% daripada bil asal sebelum penggantian lampu LED.

2.14 MPSP adalah PBT yang pertama yang memberi keutamaan kepada remaja dan warga emas dengan merancang program-program yang bersesuaian dengan mereka seperti program Eco-Teraphy, *forest bathing*, sambutan perayaan *World River Day*, berkolaborasi dengan JCI untuk mencintai hidupan, mendidik supaya tidak menggunakan plastik pakai buang seperti *straw*, plastik botol dan sebagainya.

2.15 MPSP telah menghentikan penyediaan air minuman dalam botol plastik atau cawan plastik pakai buang dalam semua

mesyuarat dan acara rasmi yang dianjurkan oleh MPSP mulai tahun 2018.

- 2.16 MPSP telah mendapat sokongan padu dari tetuan Autocity Sdn Bhd melalui akuan tidak menggunakan straw minuman dari plastik oleh semua pengendali premis makanan dalam AutoCity Juru.
- 2.17 MPSP akan memperbanyakkan *pocket park*, *photography park*, *community park (one baby one tree)*. MPSP juga memperuntukan sebanyak RM0.5 Juta untuk Projek Robina Ecopark, Projek Jambatan Keretapi Pinang Tunggal dan Naik Taraf kemudahan dan infrastruktur kawasan pelancongan.
- 2.18 MPSP juga akan mengadakan *Car Free Night* atau malam bebas kenderaan dan mewujudkan zon kesenian di sekitar Butterworth Artwalk bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah bersama keluarga dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti zumba, *busking*, kesenian, kebudayaan dan lain-lain. Dengan ini, ia dapat menepati kehendak *people centric* yang memberi keutamaan kepada warga emas, remaja, kanak-kanak dan dewasa.



- 2.19 *Butterworth Art Walk* diisytihar Zon Seni dan Warisan. Mural dan pemasangan yang cantik dan indah di sepanjang lorong belakang di Jalan Bagan Luar memberi gambaran berhubung sejarah Butterworth yang bertujuan mendidik para pengunjung yang melawat kawasan ini.
- 2.20 Mengadakan program untuk mengukuhkan ikatan keluarga bagi menyokong *Penang 2030 A Family Focused, Green and Smart State*. Justeru MPSP akan menjenamakan program *Fun Walk* supaya semua anggota keluarga iaitu suami, isteri, bayi, anak, ibu dan ayah boleh mengambil bahagian. *Butterworth Fun Ride, I Love Penang Run - Seberang Perai, Province Wellesley Run (PWR)*, Temasya Bagan termasuk *Car Free night* dan *Sungai Perai Nature Walk* akan diteruskan pada tahun 2019.
- 2.21 MPSP bersama rakan strategik, UPSI sekali lagi mengorak langkah mencipta inovasi mesin *Economic Food Waste Composter (EFWC)*, berkapasiti 50kg dan kompos boleh dihasil dalam tujuh (7) hari.

- 2.22 Peruntukan sebanyak RM0.31 juta disediakan pada tahun 2019 untuk pembelian Alat Muzik, Kostium dan Aksesori, Bayaran Perkhidmatan Seniman dan Pemuzik.
- 2.23 MPSP akan mengadakan **Hari Warisan Seberang Perai** dan **Pesta Pantai** bagi memperkenalkan budaya dan warisan Seberang Perai serta menarik pelancong ke Seberang Perai.
- 2.24 Pelaksanaan GRPB adalah untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan hendaklah **berorientasikan rakyat** dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. MPSP komited untuk memastikan kesaksamaan gender dalam setiap program pembangunan.
- 2.25 MPSP sentiasa memastikan **“No One Should Be Left Behind”** sebagai *guiding principle* dalam pentadbiran MPSP dan ianya juga seiring dengan *Sustainable Development Goals (SDG), Goals 17*.
- 2.26 Menyediakan rakan kaunter yang boleh bertutur empat (4) bahasa, Bahasa Malayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

2.27 Kemudahan OKU disemua fasiliti MPSP yang baru dibina manakala fasiliti lama akan dinaik taraf secara berperingkat supaya mereka yang kurang upaya dapat menikmati kemudahan seperti warga yang lain.

### **3.0 Bandar Pintar (*Smart City*)**

- 3.1 MPSP akan menubuhkan Jawatankuasa Industri 4.0 (*Fourth Industrial Revolution Committee*) yang mengandungi *civil society*, Ahli Majlis, pegawai kerajaan dan sektor swasta. Jawatankuasa ini akan membincangkan polisi berkaitan industri 4.0 dan cara pelaksanaannya dengan mengambil manfaat *state of the art technologies* seperti *AI, IoT, Big Data* dan *wireless communication*, ke arah mencapai bandar rendah karbon berasaskan bandar pintar. Pendekatan yang akan digunakan dalam menerokai Industri 4.0 hendaklah berpaksikan rakyat atau *people centric industrial revolution 4.0*.
- 3.2 Integrasi sistem *video analytic* dan CCTV bagi tujuan pengiraan isipadu kenderaan dan penyuraian trafik.

- 3.3 MPSP akan bekerjasama dengan pihak Intel Microelectronic (M) Sdn. Bhd. di mana pihak Intel akan menyumbang 32 buah CCTV untuk dipasang di Seberang Perai dan 64 unit lampu LED untuk dipasang di Bandar Perda.
- 3.4 Pemakluman kesesakan lalulintas yang dikesan melalui CCTV MPSP kedalam media sosial untuk menyuraikan lalulintas, mengurangkan pelepasan karbon dan mengurangkan *stress* pemandu.
- 3.5 MPSP juga menjalinkan kerjasama dengan TM One (TELEKOM MALAYSIA BERHAD) bagi melaksanakan pemasangan sistem pemantauan lampu isyarat di 100 persimpangan lampu isyarat. Pemantauan secara *Real Time Monitoring* boleh diakses melalui web dan telefon pintar.
- 3.6 Seberang Perai *Smart City* berpaksikan rakyat atau *People Centric Smart City* untuk menangani isu-isu pengurusan sisa pepejal, kesesakan lalulintas, pemantauan lampu isyarat dan lampu jalan, jenayah, keselamatan am, banjir kilat, penyampaian perkhidmatan *online* atau melalui portal MyMPSP. Seberang Perai *Smart City* juga akan mewujudkan

*smart environment* serta *smart people* yang mengambil bahagian dalam pengurusan bandar.

- 3.7 Membangunkan *corporate data base* aduan untuk mempercepatkan tindakan ke atas aduan.
  
- 3.8 Open data untuk menggalakkan transformasi digital. 20 data set akan dimuat naik untuk diberi nilai tambah oleh remaja yang mempunyai kepakaran dalam penggunaan data atau *data scientist*.
  
- 3.9 MPSP juga menyeru kepada pemaju hartanah supaya keluar dari rekabentuk pembangunan tradisional dengan merekabentuk pembangunan yang mengandungi *smart development, smart building, smart infrastructure, smart office, smart environment, smart mobility, smart economy, smart community, smart government* dan *sponge building* yang berteraskan *industry 4.0* serta *state of the art technologies*.

#### 4.0 SISTEM PENGURUSAN BERPAKSIKAN RAKYAT.

- 4.1 Kerajaan berpaksikan rakyat (*people centric government*) tidak mempunyai makna sekiranya penyampaian perkhidmatan gagal dilaksanakan secara berkesan. Sebenarnya ia merupakan nadi utama dalam mana-mana perkhidmatan agensi kerajaan. Dalam usaha mendapatkan pengiktirafan rakyat dan mengekalkan prestasi berdasarkan piawaian persijilan, mulai tahun 2018, MPSP telah melaksanakan konsep “**Management By Walking Around**” dan pendekatan pengurusan seperti ini akan ditambah baik serta diteruskan. Semua Ketua Jabatan diarah berada di lapangan untuk memantau dan menyelesaikan masalah di lapangan. Semua mesyuarat dijadualkan bermula jam 10.00 pagi.
- 4.2 Selain itu, MPSP juga melaksanakan “**Performance Based Management System**” supaya setiap KPI dicapai seperti yang dijanjikan. Mulai tahun 2018, MPSP telah melaporkan pencapaian melalui *report card* setiap tiga (3) bulan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil untuk dikongsi dan dinilai oleh penduduk Seberang Perai.

- 4.3 *Report card* ini turut dipapar di laman sosial seperti *facebook*, *twitter* dan laman web MPSP serta *LED screen* di Bandar Perda. *Report card* ini juga disediakan dalam empat bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.
- 4.4 MPSP memberi penekanan kepada Ketangkasan dan Kesederhanaan (*Speed and Simplicity*) dalam pemberian perkhidmatan. Warga MPSP mestilah kreatif dan inovatif serta berpemikiran terbuka. Warga MPSP tidak boleh lagi bekerja cara lama. Proses-proses kerja hendaklah diolah dan ditambahbaik dengan mengurangkan langkah kerja, mudah difahami dan mesra pelanggan.
- 4.5 Menyediakan garis panduan Pengurusan Sisa Pepejal yang moden dengan penggunaan sistem pneumatik dan pengumpulan berpusat bagi tujuan mengurangkan pelepasan karbon.

**Ahli-Ahli Majlis,Saudara,Saudari Yang Dihormati Sekalian,**

Pihak pengurusan MPSP sentiasa komited untuk melaksanakan program –program yang bersifat *People Centric*. Saya berharap tahun 2019 akan memangkin semangat kita untuk mengubah diri dan cara kerja kita kepada yang lebih baik. Saya menghargai usaha-usaha yang ditunjukkan oleh semua kakitangan MPSP tidak kira peringkat jawatan. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pekerja awam kita iaitu Encik Md Salleh bin Wan Chik daripada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran yang telah membantu permintaan orang awam mengalihkan bangkai kucing yang menjadi halangan dan kacauganggu awam. Beliau telah berkhidmat selama lima belas (15) tahun dalam pembersihan awam bermula pada 2 Ogos 2004. Beliau juga pernah dianugerahkan Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2017 kerana menunjukkan prestasi memberangsangkan sepanjang tempoh bertugas di Padang Lallang. Syabas dan tahniah kepada beliau dan sikap ini wajar dicontohi kerana ianya memberikan tanggapan positif terhadap imej MPSP.

**Ahli-Ahli Majlis,Saudara,Saudari Yang Dihormati Sekalian,**

Pembaharuan yang patut ada pada kita kali ini merupakan satu anjakan baru dan memerlukan pengurusan perubahan atau *change management*. MPSP merupakan satu entiti yang sentiasa memerlukan



kepada perubahan bagi membolehkan kita mampu memenuhi tuntutan atau kehendak semasa stakeholders termasuk memastikan visi dan misi MPSP jelas. Ini penting bagi kita membuat pengubahsuaian dan penambahbaikan sistem-sistem atau cara kerja yang ada di dalam organisasi kita supaya menjadi lebih efektif dan efisien.

Kegagalan melakukan atau bertindak mengikut perubahan dan tuntutan *stakeholders* akan menyebabkan kita menjadi PBT yang ketinggalan dan gagal mencapai aspirasi rakyat. Oleh itu, semua kakitangan terutamanya pihak pengurusan perlu berperanan memberikan keyakinan kepada kakitangan atau kumpulan di bawah mereka agar sentiasa bersedia untuk melakukan perubahan dan yang paling utama perubahan tersebut perlu menjurus kepada kepuasan hati rakyat dan kecemerlangan perkhidmatan MPSP.

Oleh sebab inilah, kita telah :

1. Memperkemaskan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dengan kekuatan seramai 27 orang ahli AKRAB yang dipilih dari Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana bagi memberikan khidmat kaunseling dan motivasi secara percuma

kepada semua kakitangan MPSP bagi meningkatkan prestasi tugas seharian kita.

2. Business Process Reengineering (BPR)- Membuat perubahan secara radikal terhadap prosedur kerja jabatan untuk mempercepat atau memendekkan tempoh pelaksanaan sesuatu proses.
3. Setiap tugas yang dilakukan perlu mempunyai KPI yang jelas.
4. Sijil penghargaan akan diberikan kepada mana-mana kakitangan yang menunjukkan prestasi cemerlang atau telah mengharumkan dan menaikkan imej MPSP.
5. Lawatan *benchmarking* bagi melihat *best practices* yang ada pada organisasi lain.

### **Ahli-Ahli Majlis,Saudara,Saudari Yang Dihormati Sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, marilah sama-sama kita muhasabah diri kita adakah tugas yang diberikan kepada kita ini, kita lakukan dengan baik atau tidak. Keberkatan tidak akan datang sekiranya kita masih bekerja dalam keadaan kerja yang tidak baik. Sebagai contoh, makan tidak pada waktunya, membuat kerja-kerja yang diluar bidang kerja kita bukan pada waktunya, bersembang atau bergosip benda-benda yang tidak berfaedah, berhasad dengki sesama rakan sekerja dan sebagainya.

Sikap ini akan mengundang kepada kejatuhan sesebuah organisasi. Apa yang saya harapkan, bagi tahun 2019 ini, kita semua dapat membuat perubahan ke arah yang lebih baik demi kecemerlangan MPSP dan kepuasan hati semua *stakeholders*. Kepuasan mereka keutamaan kita dan ianya menandakan bahawa MPSP benar-benar menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang dan telah berjaya mencapai misi dan visi sebenar MPSP.

**Dengan ini saya akhiri ucapan perhimpunan korporat ini denganWabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**